



Fakulti Seni Gunaan Dan Kreatif

**STRATEGI PROMOSI FESTIVAL KEBUDAYAAN
ANTARABANGSA TAWAU**

ERNAWATI BINTI AHMAD

Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan Dengan Kepujian
(Teknologi Seni Reka)
2016

STRATEGI PROMOSI FESTIVAL KEBUDAYAAN ANTARABANGSA TAWAU

ERNAWATI BINTI AHMAD

Projek ini merupakan salah satu keperluan untuk
Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan Dengan Kepujian
Teknologi Seni Reka

Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK
2016

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

Grade: _____

Please tick (✓)

Final Year Project Report

Masters

PhD

<input checked="" type="checkbox"/>
<input type="checkbox"/>
<input type="checkbox"/>

DECLARATION OF ORIGINAL WORK

This declaration is made on the 8 day of JUNE 2016.

Student's Declaration:

I, **Ernawati Binti Ahmad (40063)** from Faculty of Applied and Creative Arts hereby declare that the work entitled '**Strategi Promosi Festival Kebudayaan Antarabangsa Tawau**' is my original work. I have not copied from any other students' work or from any other sources except where due reference or acknowledgment is made explicitly in the text, nor has any part been written for me by another person.

8/6/2016

Date submitted



Ernawati Binti Ahmad (40063)

Supervisor's Declaration:

I, **Salmiah Binti Abdul Hamid** hereby certifies that the work entitled **Strategi Promosi Festival Kebudayaan Antarabangsa Tawau** was prepared by the above named student, and was submitted to the "FACULTY" as a * partial/full fulfilment for the conferment of **Bachelor of Applied Arts with Honours**, and the aforementioned work, to the best of my knowledge, is the said student's work.

Received for examination by:


(Salmiah Binti Abdul Hamid)

Date:

8/6/2016

I declare that Project/Thesis is classified as (Please tick (√)):

CONFIDENTIAL (Contains confidential information under the Official Secret Act 1972)*


RESTRICTED (Contains restricted information as specified by the organization where research was done)*

OPEN ACCESS

Validation of Project/Thesis

I therefore duly affirm with free consent and willingly declare that this said Project/Thesis shall be placed officially in the Centre for Academic Information Services with the abiding interest and rights as follows:

- This Project/Thesis is the sole legal property of Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS).
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to make copies for the purpose of academic and research only and not for other purpose.
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to digitalize the content for the Local Content Database.
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to make copies of the Project/Thesis for academic exchange between Higher Learning Institute.
- No dispute or any claim shall arise from the student itself neither third party on this Project/Thesis once it becomes the sole property of UNIMAS.
- This Project/Thesis or any material, data and information related to it shall not be distributed, published or disclosed to any party by the student except with UNIMAS permission.

Student signature 
(Date: 8/6/2016)

Supervisor signature 
(Date: 8/6/2016)


Current Address: 669D, Taman Berkely Park, Batu 2 Jalan Apas, 91000 Tawau, Sabah.

Notes: * If the Project/Thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach together as annexure a letter from the organization with the period and reasons of confidentiality and restriction.

[The instrument is duly prepared by The Centre for Academic Information Services]

Projek bertajuk **STRATEGI PROMOSI FESTIVAL KEBUDAYAAN ANTARABANGSA TAWAU** telah disediakan oleh **Ernawati Binti Ahmad** dan telah diserahkan kepada **Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif** sebagai memenuhi syarat untuk Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian (**Teknologi Seni Reka**).

Diterima untuk diperiksa oleh:



(Dr. Salmiah Abdul Hamid)

Tarikh:

8/6/2016

Saya mengaku bahawa tiada bahagian dalam tesis ini telah digunakan sebagai bahan sokongan untuk sesuatu ijazah atau kelulusan sama ada kepada Universiti ini atau Institusi Pengajian Tinggi lain.



(Ernawati Binti Ahmad)

40063

Penghargaan

Bersyukur saya kepada Allah s.w.t di atas kekuatan dan rahmat yang telah dianugerahkan Nya kepada saya dalam menghadapi segala cabaran dan kesulitan sepanjang tempoh pengajian khususnya dalam usaha menyiapkan projek ini. Dengan izin nya Projek Tahun Akhir ini dapat disempurnakan seperti yang dikehendaki.

Penuh rasa keikhlasan saya tujukan penghargaan dan ucapan ribuan terima kasih ini kepada penyelia yang amat saya hormati Cik Salmiah Binti Abdul Hamid, pensyarah yang banyak membantu saya dalam menyiapkan kajian ini. Usaha, sokongan dan perhatian beliau amat saya hargai. Dengan bimbingan yang professional dari beliau juga, saya dapat mempelajari ketelitian dalam melakukan kajian yang baik dan penuh ilmiah. Tidak lupa juga kepada seluruh tenaga pengajar Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif yang menjadi sumber inspirasi kepada semua pelajar. Keikhlasan dalam memberi ilmu pengetahuan amat kami hargai.

Sekalung penghargaan dan terima kasih kepada pihak Majlis Perbandaran Daerah Tawau yang terlibat dalam kajian ini yang telah sudi memberi kerjasama dalam penyelidikan ini.

Jutaan terima kasih kepada kedua ibu bapa saya iaitu Encik Ahmad Bin Mohammad dan Puan Wahida Binti Hj Adang serta keluarga yang banyak memberikan galakan dari segi kewangan mahupun sokongan moral, doa dan perhatian yang sentiasa mengiringi perjuangan saya sebagai seorang pelajar. Sokongan daripada ahli keluarga

amat memotivasi saya untuk melakukan yang terbaik dalam menjalankan amanat sebagai seorang pelajar.

Akhir sekali, ucapan terima kasih kepada rakan-rakan seperjuangan saya yang banyak membantu dari segi pendapat dan galakan kepada saya. Begitu juga kepada mereka yang terlibat secara langsung atau tidak langsung di dalam penyelidikan ini.

Isi Kandungan

Perkara	Muka Surat
Pengakuan Hasil Kajian	i-ii
Pengesahan dan Tandatangan Penyelia	iii
Pengakuan Pelajar	iv
Penghargaan	v-iv
Isi Kandungan	vii-x
Senarai Rajah	xi-xii
Abstract	xiii
Abstrak	xiv
BAB 1 : PENGENALAN	1
1.0 Latar Belakang Kajian	1-4
1.1 Permasalahan Kajian	4-5
1.2 Persoalan Kajian	5
1.3 Objektif Kajian	6
1.4 Skop Kajian	6-7
1.5 Kepentingan Kajian	7-8
1.6 Kesimpulan	8

BAB 2 : KAJIAN LEPAS

2.0	Pengenalan	9
2.1	Definisi dan kaitannya dengan kajian	10
2.1.1	Festival	10
2.1.2	Pengiklanan	10-13
2.1.3	Promosi	13-15
2.2	Kesimpulan	15

BAB 3 : METODOLOGI PENYELIDIKAN

3.0	Pengenalan	16
3.1	Pemerhatian	17
3.1.1	Pengunjung	17-18
3.1.2	Penganjur	18
3.2	Temuramah	19
3.2.1	Temuramah Formal	20
3.2.2	Temuramah Separa Struktur	21-22
3.2.3	Temuramah Tidak Berstruktur	23
3.3	Kesimpulan	23

BAB 4 : ANALISA HASIL DAPATAN	24
4.0 Pengenalan	24-25
4.1 Analisa Data : Pemerhatian	25-30
4.2 Analisa Data : Temuramah	30
4.2.1 Temuramah dengan penganjur	30-31
4.2.2 Temuramah bersama penonton tempatan	32-33
4.2.3 Temuramah bersama pelancong luar negara	33
4.3 Analisa S.W.O.T	34
4.3.1 Kekuatan	34
4.3.2 Kelemahan	34
4.3.3 Peluang	34-35
4.3.4 Persaingan	35
4.4 Kesimpulan	35-36
 BAB 5 : CADANGAN	 37
5.0 Pengenalan	37-38
5.1 Perkembangan Idea	38
5.2 Cadangan : Idea daripada maklumat yang diperolehi	39-43
5.3 Cadangan : Komunikasi Visual poster Festival Kebudayaan Antarabangsa Tawau di tempat umum	44

5.4	Cadangan : Grafik " <i>billboard</i> " Festival Kebudayaan Antarabangsa Tawau di tempat awam	45
5.5	Cadangan : Grafik bunting Festival Kebudayaan Antarabangsa Tawau di tempat awam	46
5.6	Cadangan : Grafik Festival Kebudayaan Antarabangsa Tawau pada laman Sesawang Airasia	47
5.7	Cadangan : Grafik " <i>ambience adverttisement</i> " Festival Kebudayaan Antarabangsa Tawau pada Kapal Terbang Airasia	48
5.8	Cadangan : Klip-klip video pada Iklan Video Televisyen Festival Kebudayaan Antarabangsa Tawau	49
5.9	Cadangan : " <i>Promotional item</i> " Festival Kebudayaan Antarabangsa Tawau	50
5.10	Hasil Dapatan Akhir	51
5.11	Kesimpulan	52
 BAB 6 KESIMPULAN		 53-54
 RUJUKAN		 55-56
 LAMPIRAN A		 57-58

Senarai Rajah

No. Rajah	Perkara	Muka Surat
Rajah 4.1	Komunikasi grafik visual yang digunakan untuk strategi promosi pada " <i>billboard</i> " pada tahun 2011	25
Rajah 4.2	Komunikasi grafik visual yang digunakan untuk strategi promosi pada " <i>billboard</i> " pada tahun 2012	26
Rajah 4.3	Komunikasi grafik visual yang digunakan untuk strategi promosi pada " <i>billboard</i> " pada tahun 2013	27
Rajah 4.4	Gambar poster festival dalam negara	28
Rajah 4.5	Gambar poster festival luar negara	29
Rajah 4.6	Gambar selepas menemuramah salah seorang yang terlibat dalam menjayakan Festival Kebudayaan Antarabangsa Tawau iaitu Puan Norimah Binti Alai	31
Rajah 5.1	Perkembangan idea reka letak menggunakan brush <i>Adobe Illustration</i>	39
Rajah 5.2	Perkembangan idea komunikasi grafik visual semasa PRA-CIPTA 1	40
Rajah 5.3	Perkembangan idea PRA-CIPTA 2	40

Rajah 5.4	Perkembangan idea reka letak teknik catan air sebelum idea akhir	41
Rajah 5.5	Reka letak akhir teknik catan air yang dipilih	42
Rajah 5.6	Dapatan akhir komunikasi visual Festival Kebudayaan Antarabangsa Tawau	43
Rajah 5.7	Poster Festival Kebudayaan Antarabangsa Tawau	44
Rajah 5.8	"Billboard" Festival Kebudayaan Antarabangsa Tawau	45
Rajah 5.9	Bunting Festival Kebudayaan Antarabangsa Tawau	46
Rajah 5.10	Grafik Visual Festival Kebudayaan Antarabangsa Tawau pada laman sesawang Airasia	47
Rajah 5.11	Komunikasi Visual Festival Kebudayaan Antarabangsa Tawau pada kapal terbang	48
Rajah 5.12	Klip-klip iklan video televisyen Festival Kebudayaan Antarabangsa Tawau	49
Rajah 5.13	Barang cenderahati dan promosi pada pameran Festival Kebudayaan Antarabangsa Tawau	50
Rajah 5.14	Pameran Projek Tahun Akhir saya	51
Rajah 5.15	Pameran Projek Tahun Akhir saya	51

Abstract

Tawau International Cultural Festival portrays a total of 25 different types of ethnicity within the district of Tawau itself and the combination of countries from BIMP-EAGE. BIMP-EAGE countries stand for Brunei, Indonesia, Malaysia, and Philippines. The aim of this project is to affirm the existing promotion strategy. The main element used in promoting are watercolour technique. Medium proposed for advertising includes printed media, social media channel, commercial television and ambience advertisement.

Abstrak

Festival Kebudayaan Antarabangsa Tawau mengetengahkan 25 jenis suku kaum etnik di daerah Tawau dan gabungan BIMP-EAGE Negara seperti Brunei, Indonesia, Malaysia dan Filipina. Projek ini bertujuan untuk menantapkan strategi promosi yang sedia ada. Penggunaan teknik catan air dipilih sebagai elemen dalam mempromosikan festival ini. Medium yang digunakan ialah periklanan cetak, periklanan laman sosial, periklanan video televisyen dan juga *ambience advertisement*.

BAB 1

PENGENALAN

1.0 Latar Belakang Kajian

Penyelidikan ini merupakan satu kajian yang dijalankan oleh penyelidik untuk mempromosikan Festival Kebudayaan Antarabangsa Tawau (FKAT) kepada masyarakat umum khususnya di Sabah, Sarawak, Semenanjung Malaysia dan juga luar negara seperti negara-negara BIMP-EAGE iaitu negara Brunei, Indonesia dan Filipina. Penyelidik akan mengkaji tentang keberkesanan dalam mempromosikan Festival Kebudayaan Antarabangsa Tawau. Festival yang bertaraf antarabangsa ini memerlukan promosi yang baik untuk memastikan misinya tercapai. Keunikan

pada Festival Kebudayaan Antarabangsa ini juga merupakan salah satu daya tarikan yang kuat untuk menarik minat orang ramai datang untuk menyaksikannya. Pelbagai strategi promosi yang telah dijalankan oleh pihak penganjur untuk mempromosikan festival ini.

Festival Kebudayaan Antarabangsa Tawau merupakan festival tahunan bagi masyarakat daerah Tawau sejak ia mula diperkenalkan buat pertama kalinya pada 2011. Festival Kebudayaan Antarabangsa Tawau telah dirasmikan oleh Yang Berbahagia Y.A.B Datuk Seri Panglima Musa Haji Aman iaitu Ketua Menteri Negeri Sabah. Festival ini dilancarkan sebagai salah satu acara untuk memperkenalkan Daerah Tawau sebagai destinasi pelancongan kepada negara luar. Festival ini menengahkan 25 jenis persembahan suku kaum yang terdapat di daerah Tawau. 25 suku kaum yang terlibat antaranya adalah Tidung, Cina, Murut, Penan, Lundayeh, Bajau, Bugis, India, Jawa, Torajah, Buton (Wakatobi), Buton (Bau-bau), Iban, Cocos, Suluk, Banjar, Bulungan, Kadazan, Arab, Bisaya, Irranum, Phatan, Idahan, Brunei, Timor. Setiap persembahan mengikut konsep yang telah ditetapkan oleh penganjur.

Di samping itu, setiap organisasi mempunyai objektifnya yang tersendiri untuk memastikan matlamatnya tercapai. Begitu juga dengan Festival Kebudayaan Antarabangsa Tawau (FKAT) yang mempunyai objektifnya yang tersendiri iaitu :-

- Mempertembungkan budaya antara Negara-Negara BIMP-EAGA iaitu negara Brunei, Indonesia, Malaysia dan Filipina untuk mengeratkan perpaduan dan silaturrahim
- Mengarus perdanakan dan mengantarabangsakan budaya Negeri Sabah
- Mengekalkan keamanan, perpaduan dan silaturrahim di kalangan Negara-Negara BIMP-EAGE

"The tremendous response and support received for the festival shows that we in Sabah do not allow the difference in ethnicity, race, religion or culture to hamper unity, harmony and relationship. This is a recognition and an example of the 1Malaysia concept introduced by Prime Minister Datuk Seri Najib Tun Razak to help the country prosper in areas of unity."
(2011)

Menurut Y.A.B Datuk Seri Panglima Musa Haji Aman, tiada perbezaan dalam etnik, kaum, agama dan budaya yang menghalang perpaduan keharmonian dan hubungan. Dan beliau menjelaskan lagi bahawa festival tersebut adalah satu pengiktirafan dan satu contoh konsep 1Malaysia yang diperkenalkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak untuk membantu negara maju dalam bidang perpaduan. Y.A.B Datuk Seri Panglima Musa Haji Aman (2012) juga menyifatkan festival ini sebagai "wadah terbaik untuk mengeratkan kerjasama di antara para pemimpin dengan rakyat dalam menyemarakkan serta memartabatkan warisan seni budaya yang tinggi."

Penyelidik bersetuju dengan pernyataan ini kerana pihak penganjur bukan sahaja mengadakan festival yang berbentuk persembahan, tetapi turut menyediakan banyak aktiviti-aktiviti sampingan yang melibatkan suku kaum dan etnik untuk merapatkan silaturrahim sesama agama dan budaya bagi menghubungkan perpaduan keharmonian.

1.1 Permasalahan Kajian

Dalam kajian ini, penyelidik ingin mengkaji mengenai keberkesanan strategi promosi yang telah dijalankan oleh pihak penganjur. Sepanjang festival ini diadakan terdapat beberapa masalah yang dihadapi. Masalah tersebut adalah strategi promosi yang kurang efektif. Promosi tersebut hanya dilakukan apabila adanya aktiviti yang ingin dianjurkan.

Permasalahan yang timbul dalam kajian ini ialah promosi yang dijalankan oleh pihak penganjur tidak sampai kepada golongan sasaran mereka. Kurangnya pengiklanan dari segi televisyen, surat khabar dan majalah juga salah satu sebab promosi FKAT ini tidak sampai kepada golongan sasaran. Hal ini mungkin disebabkan oleh promosi yang telah dibuat tidak mendapat tindak balas daripada golongan sasaran mereka.

Selain itu, strategi promosi pengiklanan "*outdoor*" seperti pengiklanan pada perhentian bas, "*billboard*", pengiklanan atas kapal terbang dan juga pengiklanan pada kenderaan seperti bas dan lori tidak dilakukan oleh penganjur.

Hal ini kerana, modal yang tidak mencukupi untuk menampung kos pembiayaan pengiklanan tersebut.

Di samping itu, menurut sumber website yang diselidik ditemui strategi promosi Festival Kebudayaan Antarabangsa Tawau hanya dilaksanakan pada beberapa bulan sebelum Festival kebudayaan dijalankan. Strategi promosi yang telah digunakan oleh pihak penganjur Festival Kebudayaan Antarabangsa Tawau hanya berbentuk pengiklanan jangka masa pendek dan bukannya pengiklanan jangka panjang secara berterusan. Oleh hal demikian, menjadikan satu beban dan menyebabkan pihak yang menganjurkan festival tersebut sukar untuk mendapatkan sambutan yang lebih berkesan dan efektif. Selain itu, promosi FKAT yang dilakukan oleh pihak penganjur hanya diadakan pada beberapa bulan sebelum festival. Promosi yang berbentuk iklan jangka masa pendek telah digunakan dan bukannya pengiklanan yang berterusan dan meluas. Hal ini menyebabkan pihak penganjur sukar untuk mendapatkan sambutan yang lebih efektif dan berjaya.

1.2 Persoalan Kajian

1. Apakah elemen-elemen promosi yang berkesan untuk mempromosikan Festival Kebudayaan Antarabangsa Tawau?
2. Apakah masalah yang dihadapi oleh Festival Kebudayaan Antarabangsa Tawau untuk mempromosikan strategi tersebut?
3. Bagaimanakah cara terbaik untuk mempromosikan FKAT?

1.3 Objektif Kajian

1. Mengenalpasti permasalahan yang dihadapi oleh pihak penganjur sepanjang menjalankan promosi Festival Kebudayaan Antarabangsa Tawau.
2. Menganalisis keberkesanan promosi yang dilakukan oleh penganjur samada ianya mendatangkan kesan negatif atau positif pada masyarakat umum di Tawau.
3. Mencadangkan kaedah untuk menghebahkan keunikan Festival Kebudayaan Antarabangsa Tawau dari segi adat perkahwinan, tarian dan pakaian etnik serta budaya di daerah Tawau.

1.4 Skop Kajian

Skop kajian ini adalah untuk mendapatkan maklumat yang terperinci dan memperkenalkan kepada masyarakat tentang kebudayaan yang terdapat di negeri Sabah khususnya di daerah Tawau. Penyelidik mendapatkan maklumat seperti sejarah penubuhan, latar belakang, kaedah promosi yang dijalankan oleh pihak penganjur. Aspek yang ingin dikaji dalam kajian ini adalah kesedaran daripada aspek pengetahuan kebudayaan dari segi tarian dan pakaian mengenai suku kaum dan etnik yang terdapat di Tawau.

Penyelidik juga akan memfokuskan perhatian terhadap kajian strategi-strategi promosi yang dijalankan oleh pihak penganjur samada strategi promosi yang telah dijalankan ini mendatangkan kesan yang negatif atau positif. Strategi promosi yang digunakan oleh pihak penganjur ialah periklanan yang berbentuk media massa dan media cetak.

Perolehan maklumat yang berbentuk temu ramah dan borang soal selidik diedar untuk menambah maklumat yang sedia ada. Melalui temu ramah dan borang soal selidik ini menyelidik akan mengkaji sambutan yang diterima setelah promosi yang diadakan dan pendapat responden tentang Festival Kebudayaan Antarabangsa Tawau.

1.5 Kepentingan Kajian

Kepentingan kajian yang dilakukan adalah untuk mengenalpasti sejauh mana keberkesanan strategi promosi yang telah dijalankan oleh pihak penganjur dalam mempromosikan FKAT. Hal ini kerana, FKAT mempunyai nilai komersial dan nilai seni yang sangat tinggi. Oleh hal demikian, adanya promosi yang hebat dan berterusan, festival ini pasti akan dapat diperluaskan ke peringkat yang lebih tinggi lagi.

Melalui kajian yang telah dijalankan oleh pengkaji, diharap pihak penganjur akan dapat mempromosikan FKAT kepada masyarakat di seluruh negeri Malaysia tidak kira dalam mahupun luar negeri dengan lebih efisien. Hal ini kerana, melalui

kajian yang telah dijalankan dapat membantu pihak penganjur mengenalpasti masalah atau kekurangan strategi promosi yang telah dijalankan.

1.6 Kesimpulan

Secara keseluruhannya, bab ini menerangkan secara mendalam aspek-aspek yang berkaitan dengan tujuan penyelidikan ini dilakukan. Oleh hal yang demikian, kajian ini lebih memberi penekanan kepada strategi promosi yang dilakukan oleh pihak penganjur dan memberi tumpuan kepada kaedah dan medium promosi yang digunakan.